

NO.SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
MOHAMAD [LIPIS]**  
**TARIKH** : **06.11.2017 (ISNIN)**

**DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah pelaksanaan Dasar Harga Terangkum (DHT) yang akan memastikan pengguna tidak terkeliru dan akan dimanipulasikan oleh peniaga.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum adalah bertujuan untuk melindungi pengguna daripada dikenakan kos atau caj tersembunyi semasa membeli barang atau perkhidmatan.

Kementerian telah menerima banyak aduan daripada pengguna berhubung pempameran harga yang mengelirukan. Justeru itu, sebagai sebuah *caring ministry*, Kementerian telah mewujudkan Dasar ini di mana peniaga dikehendaki memaparkan maklumat harga yang merangkumi

87

kesemua caj termasuk cukai yang dikenakan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan. Ini bertujuan untuk mengelakkan para pengguna keliru dengan harga sebenar atau harga akhir yang perlu dibayar.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dasar ini memberi penekanan terhadap pengiklanan, pempameran dan paparan harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna untuk memperoleh sesuatu barangan atau perkhidmatan di mana, paparan tersebut hendaklah merangkumi semua harga termasuk cukai, duti atau caj Kerajaan serta semua caj lain yang hendak dikenakan oleh mana-mana orang terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Pelaksanaan dasar ini juga, hanyalah berkenaan ketelusan pempameran atau paparan harga semata-mata dan tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada pengguna. Ketelusan harga ini dapat membantu pengguna dalam membuat keputusan dan tidak lagi terpedaya dengan harga yang mengelirukan serta mengandungi caj yang tersembunyi.

Dasar Harga Terangkum ini diharap dapat memperkukuhkan aspek ketelusan harga barangan dan perkhidmatan yang dipaparkan serta menggalakkan persaingan yang lebih adil dan sihat di kalangan peniaga.